

IV. AMALAN AGIHAN ZAKAT DI KELANTAN

4.1 Pengenalan

Zakat merupakan satu sumber kutipan terbesar yang diperolehi oleh Majlis dan sumbangannya dalam pembangunan masyarakat di Kelantan amnya memang tidak dapat dinafikan lagi. Ini kerana tidak seperti bantuan-bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan, bantuan yang diberikan oleh Majlis mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan ia lebih kepada tanggungjawab sosial yang tidak memerlukan apa-apa imbalan balik daripada pihak yang menerima agihan atau bantuan.

Di samping itu bantuan yang diberikan adalah dari peruntukan yang tidak tetap iaitu dari sumber-sumber kebajikan pembayaran masyarakat Islam.¹ Pada tahun 2001 pihak Majlis telah memperolehi RM13,745,000.00 hasil dari perolehan zakat iaitu 66 peratus berbanding perolehan dari hasil sumber-sumber yang lain.² Statistik ini jelas menunjukkan kepada kita sumbangan yang dimainkan oleh institusi zakat dalam memperkasakan perekonomian umat Islam di negeri Kelantan.

Umumnya fenomena ini dapat dikesan sejak tahun 1919 lagi, di mana pada peringkat awal penubuhan Majlis, pengagihan zakat dilakukan dengan melibatkan agihan kepada Imam dan gaji kakitangan masjid di Baitulmal.³ Sekalipun pada

peringkat tersebut pengagihan yang berlaku tidak melibatkan penditilan kepada *asnaf* yang telah ditetapkan oleh Syarak, namun gambaran tersebut telah menampakkan kepada kita bahawa telah wujudnya suatu sistem pengagihan zakat secara formal oleh pihak Majlis berbanding sebelumnya yang lebih bercorak individu (informal).

Walaupun bagaimanapun sehingga kini, masih tidak wujudnya suatu peraturan khusus yang ditetapkan oleh Majlis dalam pengagihan zakat. Peraturan-peraturan yang ada hanyalah melibatkan aspek kecil dan hanya menyentuh tentang segelintir *asnaf* yang telah ditetapkan oleh Syarak atau suatu peraturan umum yang terlalu luas interpretasinya yang telah penulis jelaskan secara ditil dalam bab sebelumnya.

Oleh yang demikian bagi meninjau realiti pengagihan zakat yang berlaku di negeri Kelantan, penulis mengambil pendekatan untuk melihat secara lebih dekat amalan agihan zakat yang telah dipraktikkan oleh pihak Majlis ke atas mereka yang layak menerima agihan tersebut khususnya yang melibatkan *asnaf fi sabīlillāh*.

4.2 Polisi Agihan Majlis

Secara amnya dalam memastikan agihan zakat dengan teratur, Unit Zakat dengan kerjasama Unit Agihan bertanggungjawab bagi memastikan agihan wang zakat disalurkan mengikut *asnaf*. Sebelum wang zakat diagihkan, pihak Majlis terlebih dahulu memastikan bahawa wang zakat ini dikumpulkan dalam satu

kumpulan wang yang berasingan daripada wang-wang yang diperolehi daripada hasil-hasil lain.

Bagi maksud tersebut, wang zakat diletakkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan dinamakan Kumpulan Wang Pusat Tanggungan Agihan (PTA).⁴ Ini bagi memastikan wang tersebut hanya diagihkan kepada mereka-mereka yang layak menerimanya sahaja.

Wang ini juga dipegang sementara oleh pihak Majlis untuk menunggu *asnaf-asnaf*. Ini selaras dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama⁵ bahawa wang zakat boleh ditangguhkan untuk dibahagi atau menunggu *asnaf* yang layak menerima zakat. Manakala bagi hasil-hasil lain, contohnya seperti Baitulmal, diletakkan dalam Kumpulan Wang Pengurusan dan Pentadbiran.


Seterusnya wang zakat tersebut akan diagihkan kepada *asnaf-asnaf* yang memerlukan melalui Unit Agihan yang bertindak sebagai pemegang polisi akhir di antara Majlis dengan *asnaf-asnaf* zakat. Pada peringkat ini Unit Agihan akan menetapkan beberapa prosedur bagi memastikan wang zakat ini hanya disalurkan kepada *asnaf* zakat dan berdasarkan jumlah keperluan yang munasabah. Selain itu, wang zakat juga disalurkan kepada bahagian-bahagian tertentu yang terdapat di bawah pentadbiran Majlis untuk disalurkan bagi kegiatan-kegiatan dakwah, agama dan prasarana kebajikan.⁶

4.3 Struktur Unit Agihan Zakat

Berdasarkan carta organisasi Majlis, Unit Agihan Zakat adalah terletak di bawah Bahagian Pembangunan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Pembangunan. Beliau bertanggungjawab ke atas unit-unit yang terletak di bawahnya iaitu Unit Zakat, Unit Agihan, Unit Baitulmal dan Unit Pelaburan dan Pembangunan.

Bagi Unit Agihan, ia adalah di bawah pemantauan Pegawai Urusan Sumber yang bertindak dalam menyelia dan mengawal agihan zakat di negeri Kelantan. (Lihat lampiran B untuk Struktur Organisasi Lengkap Pentadbiran Majlis). Berikut ialah Carta Organisasi Unit Agihan Zakat Majlis.

Rajah 4.3: Carta Organisasi Unit Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan



* Ad hoc Majlis

Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

4.3.1 Manual Prosedur Kerja Unit Agihan Zakat

Secara umumnya prosedur kerja yang terdapat di Unit Agihan ini melibatkan lapan peringkat. Peringkat-peringkat tersebut ialah; agihan zakat, penyimpanan maklumat pemohon secara berkomputer, siasatan, penyediaan laporan dan perakuan, perakuan ketua bahagian (Ketua Pegawai Pembangunan), pertimbangan dan kelulusan Timbalan Yang DiPertua, bayaran oleh Bahagian Kewangan dan rekod.⁷

a. Permohonan

Pada peringkat ini borang agihan akan dikeluarkan kepada pemohon-pemohon untuk mengisi butiran-butiran yang berkaitan dengan maklumat pemohon. Kebiasaannya borang permohonan ini akan dikeluarkan sepanjang tahun. Walau bagaimanapun bagi permohonan-permohonan tertentu ia dikeluarkan berdasarkan kepada keperluan-keperluan *asnaf* itu sendiri. Contohnya permohonan bantuan persekolahan dan bantuan pembelajaran di peringkat tinggi. (Lihat lampiran C bagi contoh-contoh borang permohonan tersebut)

Di dalam borang ini pemohon dikehendaki menyatakan jenis bantuan dan jumlah yang diperlukan beserta dengan alasan-alasannya. Ini untuk memastikan bahawa mereka yang mengisi borang permohonan ini adalah terdiri daripada *asnaf-asnaf* yang telah ditentukan oleh Syarak. Selain itu terdapat juga jumlah bantuan yang

telah ditetapkan oleh pihak Majlis bagi bantuan-bantuan tertentu, sebagai contohnya setiap pelajar yang layak dan akan menyambungkan pelajarannya di peringkat universiti akan diberikan bantuan sebanyak RM 500.00.⁸

Di samping permohonan rasmi yang dikemukakan oleh seseorang individu, pihak majlis juga menerima maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh penggawa atau penghulu, ketua kampung, pihak hospital, akhbar, badan-badan NGO, orang ramai serta jabatan-jabatan lain mengenai status seseorang bagi melayakkan seseorang menerima agihan zakat.⁹ Ini bertujuan untuk memastikan agar hak-hak setiap *asnaf* yang layak menerima agihan zakat tidak tercicir.

Selain itu ia menunjukkan wujudnya suatu hubungan yang integral di antara pelbagai pihak dalam memastikan kesinambungan fungsi zakat demi pembangunan ekonomi umat Islam seluruhnya.

b. Penyimpanan Data-data Pemohon

Bagi tujuan ini penyimpanan data-data atau maklumat pemohon akan dibuat oleh pembantu tadbir. Penyimpanan data secara berkomputer ini bertujuan untuk membolehkan kerja-kerja penyemakan dilakukan ke atas permohonan yang dibuat oleh pemohon.¹⁰

c. Siasatan

Dalam melakukan kerja-kerja berkaitan dengan siasatan, pada peringkat permulaannya sesi temuduga akan dibuat oleh Pegawai Urusan Sumber ke atas pemohon-pemohon. Semasa sesi temuduga ini pegawai berkenaan akan mengenal pasti sama ada seseorang pemohon itu adalah mereka yang benar-benar berkeelayakan atau sebaliknya. Pada kebiasaannya pegawai yang bertugas akan membuat penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria umum mereka yang layak menerima zakat iaitu tahap pendapatan, tanggungan dan jumlah keperluan asasi seseorang.¹¹

Selain itu, bagi memastikan kesahihan maklumat yang diberikan, siasatan juga dilakukan di tempat asal atau tempat tinggal pemohon. Ini bagi permohonan kes yang melibatkan jumlah agihan yang besar. Bagi permohonan yang kecil jumlahnya pengesahan Imam Mukim yang bertindak sebagai Penyelia Am Zakat di setiap Mukim di negeri Kelantan adalah memadai bahawa pemohon tersebut adalah terdiri daripada *asnaf* yang layak menerima zakat.¹²

Lazimnya maklumat atau pengesahan akan diambil kira berdasarkan keterangan yang diberi oleh Imam Mukim, Penggawa dan Penghulu tempat tinggal pemohon tersebut. Di samping itu keterangan daripada masyarakat setempat juga diambil kira dalam menentukan ketepatan sumber yang diberikan oleh pemohon.

d. Penyediaan Laporan dan Perakuan

Apabila kedudukan kes atau permohonan telah dikenal pasti, maka Pegawai Urusan Sumber akan membuat laporan berkenaan dengan sesuatu permohonan dengan menentukan jumlah yang sewajarnya diberikan atau disyorkan bagi pemohon. Pada peringkat ini juga pengkategorian jenis-jenis bantuan akan disyorkan bergantung kepada penentuan kategori *asnaf* bagi pemohon.¹³

e. Perakuan Ketua Pegawai Pembangunan

Selepas laporan dibuat oleh Pegawai Urusan Sumber, laporan tersebut akan dikemukakan kepada Ketua Pegawai Pembangunan yang bertindak selaku ketua Bahagian di Bahagian Pembangunan untuk proses penilaian. Pada peringkat ini semakan akan dilakukan dan perakuan akan dibuat oleh beliau sama ada bersetuju atau tidak dengan syor yang dibuat oleh pegawai tadi. Di samping itu pertimbangan dan pandangan beliau akan laporan tersebut juga diperlukan bagi memastikan proses seterusnya berjalan lancar.

f. Pertimbangan dan Kelulusan Timbalan Yang di Pertua

Pada peringkat ini, semakan dan komen akan dibuat oleh Timbalan Yang di Pertua Majlis ke atas laporan yang telah dikemukakan oleh Ketua Bahagian. Proses

ini bolehlah disifatkan sebagai penyemakan terakhir dalam menentukan sama ada berjaya atau tidak dan lulus atau gagal nya permohonan yang dibuat oleh pemohon.

g. Pembayaran oleh Bahagian Kewangan


Setelah laporan tersebut diluluskan oleh Timbalan Yang di Pertua Majlis, perkara ini akan diserahkan seterusnya kepada Bahagian Kewangan bagi proses yang selanjutnya. Di bahagian ini, baucer-baucer pembayaran akan disediakan berdasarkan kepada apa yang telah diluluskan oleh Timbalan Yang di Pertua. Setelah itu cek akan dikeluarkan dan pemakluman kepada pemohon melalui surat berkenaan perkara tersebut.¹⁴ Pemohon boleh mendapatkan bayaran atau agihan tersebut dengan mendapatkan cek di Bahagian Kewangan Majlis untuk ditunaikan di bank-bank yang berkenaan.

g. Rekod

Di peringkat akhir ini, kerja-kerja pengrekodan akan dilakukan dengan melibatkan kedua-dua bahagian iaitu Unit Agihan dan Bahagian Kewangan Majlis. Pengrekodan berkomputer ini bertujuan untuk memastikan data-data berkenaan perbelanjaan tahunan Majlis dapat dikenal pasti dan unjuran tahunan dibuat ke atas perbelanjaan keseluruhan Majlis. Di samping itu ia bertujuan untuk mengemas kinikan perangkaan-perangkaan yang berkaitan dengan perbelanjaan Majlis.

Secara ringkasnya proses-proses tersebut memakan masa selama sebulan bagi membolehkan hasil zakat diagihkan atau disalurkan kepada *asnaf-asnaf* yang telah memohon. Walaupun begitu terdapat juga sesetengah permohonan yang melebihi tempoh tersebut dan ini bergantung kepada hasil laporan dan siasatan yang dijalankan oleh pegawai yang berkenaan. Umumnya proses di atas bolehlah dirumuskan sebagaimana yang terdapat dalam carta aliran kerja di bawah ini.

Rajah 4.3.1: Carta Aliran Kerja Agihan Zakat Majlis



Sumber: Unit Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Walaupun bagaimanapun, ini bukan bermakna peringkat-peringkat yang penulis nyatakan ini perlu diikuti bagi setiap proses agihan zakat. Terdapat juga sesetengah kes yang memerlukan agihan segera tanpa perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu

daripada Timbalan Yang Di Pertua dan mengikuti peringkat-peringkat seperti di atas. Sebagai contohnya bantuan ke atas musafir yang sememangnya berhajat kepada bantuan untuk meneruskan perjalanan.

Selain itu juga bagi jumlah bantuan yang kecil, kelulusan daripada Pegawai Agihan Zakat Majlis adalah sudah memadai untuk membolehkan bantuan tersebut diperolehi oleh *asnaf-asnaf* yang memerlukan. Sebagai contohnya bantuan ke atas *asnaf* fakir dan miskin yang hanya perlu pengesahan status individu tersebut oleh Imam Mukim dan disertai dengan kelulusan pegawai yang berkenaan.

4.4 Bentuk-bentuk Agihan

Secara amnya pihak Majlis melalui Unit Zakat telah menetapkan cara permohonan sebagai kaedah dalam menentukan pihak-pihak yang layak menerima agihan zakat. Bagi maksud tersebut Majlis telah menyediakan enam jenis permohonan yang boleh dipohon oleh penduduk di Negeri Kelantan. Jenis-jenis permohonan tersebut ialah:-

- i) Permohonan bantuan fakir miskin.
- ii) Permohonan bantuan khas hari raya.
- iii) Permohonan bantuan pemulihan.
- iv) Permohonan bantuan am yang meliputi perubatan dan rawatan, kecemasan, penyelesaian hutang dan bantuan-bantuan lain.

- v) Permohonan bantuan am pelajaran.
- vi) Permohonan bantuan *ibn-sabīl*.

Lazimnya kriteria am yang diambil kira oleh Majlis dalam menentukan kelayakan pemohon ialah orang Islam, warganegara Malaysia, pendapatan keluarga tidak melebihi had mencukupi (*had al-kifāyah*), tidak menerima mana-mana bantuan yang mencukupi dari mana-mana pihak dan termasuk dalam *asnaf* yang layak menerima zakat.¹⁵

Berdasarkan kriteria tersebut dua pertimbangan asas akan diterima pakai dalam menentukan agihan yang akan diberikan kepada pemohon tersebut. Pertimbangan tersebut ialah:¹⁶

- i) Bantuan yang berbentuk tetap.
- ii) Bantuan yang berbentuk sementara.

Bagi bantuan yang berbentuk tetap, ia merupakan elaun atau saraan hidup secara bulanan yang diberikan kepada *asnaf* yang tidak berkeupayaan lagi untuk bekerja atau mendapatkan sumber pendapatan hidup. Biasanya *asnaf* yang paling banyak menerima bantuan berbentuk tetap ini terdiri daripada golongan fakir dan miskin yang memperolehi saraan bulanan sebanyak RM 70.00 sehingga RM150.00.¹⁷ Ini bergantung kepada kapasiti tanggungan dan keperluan *asnaf* tersebut.

Manakala bagi bantuan semasa atau sementara ia lebih bersifat pemulihan kepada *asnaf* yang berkelayakan dan berkemampuan untuk bekerja serta mendapatkan sumber pendapatan. Di antara bantuan-bantuan sementara itu ialah seperti bantuan bencana alam, bantuan pemulihan, kecemasan, kemahiran teknikal dan sebagainya.

Bantuan berbentuk pemulihan ini lebih bersifat bantuan modal untuk pemohon supaya lebih berdikari dan berdaya saing dalam hidup serta mampu menjadi penyumbang kepada agihan zakat pada masa akan datang. Contohnya bantuan yang berbentuk kemahiran seperti pertukangan dan kursus jahitan yang terdapat di Gunung, Bachok.¹⁸

Untuk mendapatkan matlumut mengenai cara memohon bantuan teresebut, pemohon bolehlah mendapatkan khidmat nasihat melalui Imam-Imam Masjid seluruh negeri Kelantan atau berhubung terus dengan kaunter zakat MAIK bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai permohonan itu.¹⁹

Borang-borang permohonan boleh didapati di kaunter-kaunter zakat dan melalui amil-amil bertauliah yang di lantik oleh Majlis. Gambaran secara ditil mengenai perkara ini telah penulis jelaskan sebagaimana yang terdapat pada manual prosedur kerja Unit Agihan Zakat.


Selain daripada agihan berdasarkan kepada permohonan, terdapat juga agihan yang berbentuk khusus dan tetap kepada badan-badan atau pertubuhan tertentu yang terlibat dalam menguruskan kerja-kerja yang berkaitan dengan dakwah dan pembangunan insan.

Lazimnya agihan yang diberikan dalam bentuk ini adalah melibatkan jumlah yang agak besar berbanding dengan peruntukan secara permohonan. Ini kerana agihan secara permohonan hanya melibatkan individu tertentu, sedangkan yang berbentuk khusus ini lebih melibatkan badan-badan amal, premis ibadat, penerbitan dan elaun-elaun kepada individu tertentu yang menjalankan kerja-kerja penyebaran dakwah.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2001 sebanyak RM20,821,580.00 telah diperuntukkan oleh Majlis bagi perbelanjaan tahunan yang meliputi emolumen, *asnaf-asnaf* zakat dan lain-lain perbelanjaan seperti perbelanjaan mengurus, bil-bil semasa dan lain-lain penyelenggaraan pejabat.²⁰

Dalam ketiga-tiga kategori tersebut, *asnaf* zakat telah mencatat agihan yang tertinggi iaitu sebanyak RM13, 745,850.00, diikuti lain-lain perbelanjaan sebanyak RM3,675,220.00 dan emolumen sebanyak RM3,400,510.00.²¹

**Rajah 4.4: Anggaran Perbelanjaan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat
Melayu Kelantan Bagi Tahun 2001**



Sumber: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

4.5 Golongan Yang Layak Menerima Zakat

Di negeri Kelantan secara amnya golongan atau *asnaf-asnaf* yang layak menerima zakat adalah seperti berikut:-

- i) *Asnaf* Fakir.
- ii) *Asnaf* Miskin.
- iii) *Asnaf* Amil.
- iv) *Asnaf* Mu'allaf.
- v) *Asnaf al-Riqāb*.
- vi) *Asnaf al-Ghārimīn*.

- vii) *Asnaf Ibn-Sabil*.
- viii) *Asnaf Fī Sabīlillāh*.

Berdasarkan *asnaf* yang terdapat di atas ia adalah selaras dengan maksud

Firman Allah Taala yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah dan (zakat) itu hanyalah untuk Orang-orang Fakir dan Orang-orang Miskin dan Amil-amil yang mengurusnya dan Muallaf yang dijinakkan hatinya dan Hamba dan Orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan Orang-orang Musafir (yang keputusan dalam perjalanan). (Ketetapan hukum yang demikian adalah satu ketetapan yang datangnya dari Allah dan ingatlah Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana.”

al-Taubah: 60

Walau bagaimanapun bagi mengenal pasti secara ditil *asnaf-asnaf* yang terdapat di atas, Majlis telah menggariskan beberapa ciri dan aktiviti tertentu yang dapat dihubungkan dengan *asnaf-asnaf* yang telah dinyatakan. Ini bertujuan untuk memudahkan Majlis mengklasifikasikan jenis-jenis bantuan yang berhak diperolehi oleh *asnaf-asnaf* tersebut.

4.6 Penjelasan *Asnaf* Dan Aktivitinya

a) *Asnaf* Fakir dan Miskin

Bagi kedua-dua *asnaf* ini, perbezaannya hanyalah dari segi jumlah bagi menampung kadar keperluan asas untuk menjaga hidup seseorang itu seperti rumah kediaman, pakaian untuk menjaga suhu badan dan sebagainya di mana orang miskin

lebih berkeadaan baik daripada orang fakir.²² Dengan maksud lain orang fakir adalah mereka yang mempunyai sedikit atau tiada langsung pendapatan untuk menampung keperluan asasi. Manakala miskin pula adalah mereka yang mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi bagi menampung keperluan asasi.

Walaupun begitu realiti hidup masyarakat sekarang adalah begitu sukar untuk menilai perbezaan di antara fakir dengan miskin. Dengan itu pihak Majlis telah menetapkan beberapa skim atau bantuan untuk diagihkan kepada *asnaf* ini. Bantuan tersebut adalah seperti berikut:-²³

- i) Bantuan tetap bulanan.
- ii) Bantuan pemulihan.
- iii) Bantuan program kemahiran hidup.
- iv) Bantuan kecemasan.
- v) Bantuan rawatan dan perubatan.
- vi) Bantuan pelajaran dan persekolahan.
- vii) Bantuan persediaan memasuki universiti anak-anak orang miskin.
- viii) Bantuan Skim Jaminan *Qardhul Hasan*
- xi) Bantuan Skim galakan pelajar di Pondok-Pondok di Kelantan dan di luar Kelantan.
- x) Bantuan khas sambutan Hari Raya.

Berdasarkan bantuan yang disenaraikan di atas jelas menggambarkan kepada kita bahawa *had al-kifāyah* yang dipakai oleh Majlis ke atas *asnaf* ini adalah relatif dan bergantung kepada sosio-ekonomi sesebuah masyarakat.²⁴ Sebagai contohnya nilai RM1,000.00 boleh dikatakan memadai bagi keluarga yang tinggal di luar bandar, namun bagi keluarga yang tinggal di kawasan kota terutamanya di bandar-bandar yang sibuk seperti Kuala Lumpur contohnya, sudah tentu jumlah tersebut adalah jauh daripada mencukupi bagi menampung kos kehidupan.²⁵

Begitu juga bagi keluarga yang berpendapatan tinggi tetapi mempunyai jumlah tanggungan yang ramai secara perbandingannya adalah sama dengan mereka yang berpendapatan rendah tetapi tidak mempunyai jumlah tanggungan yang ramai. Oleh itu *had al-kifāyah* yang ditetapkan oleh Majlis membolehkan sesiapa sahaja mendapatkan bantuan zakat daripada Majlis selagi mana jumlah keperluan asasi yang diperlukan bagi sesebuah keluarga itu adalah tidak mencukupi.

Walau bagaimanapun dalam penentuan *had al-kifāyah* ini, majlis tidak menetapkan dan menyenaraikan suatu garisan, *had* atau kadar keperluan asas minimum seseorang individu atau sesebuah keluarga berdasarkan kos hidup masa kini. Contohnya RM700.00 bagi kehidupan di luar bandar dan RM900.00 di Bandar. Dalam hal ini, pendekatan yang dilakukan oleh Majlis adalah dengan melakukan siasatan berdasarkan permohonan yang dibuat oleh pemohon.

b) *Asnaf Mu'allaf*

Mereka ini terdiri daripada saudara-saudara baru yang memeluk agama Islam. Oleh itu bagi mengembirakan hati dan perasaan mereka yang terpisah jauh dengan keluarga, pihak Majlis telah menetapkan beberapa program yang berupa bantuan kepada *asnaf* ini. Bantuan tersebut meliputi:-²⁶

- i) Bantuan keraian kepada saudara baru.
- ii) Bantuan pelajaran saudara baru.
- iii) Bantuan penyelenggaraan projek untuk saudara baru.
- iv) Bantuan untuk pertubuhan dakwah atau kegiatan tarbiah.
- v) Lain-lain bantuan khas atau perayaan.

c) *Asnaf Amil*

Mereka ini terdiri daripada Imam-imam Mukim, Bilal dan Amil Khas yang dilantik bagi melaksanakan pentadbiran dan pengurusan wang zakat. Tugas amil ialah mentaksir, memungut, menyimpan dan membuat agihan wang zakat kepada *asnaf-asnaf* yang ditetapkan.

d) *Asnaf al-Riqāb*

Asnaf ini boleh dikategorikan kepada mereka yang dicengkam oleh sebarang bentuk penjajahan. Oleh itu, bantuan diberikan bagi memerdekakan seseorang hamba

atau melepaskan orang-orang Islam dari cengkaman perhambaan. Walau bagaimanapun di negeri Kelantan pihak Majlis mendapati terlalu sukar untuk mengenal pasti golongan hamba ini. Oleh itu tiada agihan dibuat ke atas *asnaf* ini memandangkan kepada keadaan tersebut.

e) *Asnaf al-Ghārimīn*

Asnaf ini adalah mereka yang terdiri dari orang-orang Islam yang terpaksa berhutang kerana kepentingan umum yang dibenarkan oleh syarak tetapi tidak dapat menjelaskan hutangnya dari sumber-sumber lain selain dari terpaksa memohon bantuan Baitulmal, adalah dibolehkan bantuan dari peruntukan wang zakat.

f) *Asnaf Fī Sabīlillāh*

Asnaf ini merupakan mereka yang melakukan kerja-kerja agama dan mereka-mereka yang berjuang bagi menegakkan Syiar Islam. Oleh kerana pengertiannya adalah terlalu umum dan luas pada masa sekarang ini, pihak Majlis telah mengenal pasti beberapa bantuan yang boleh diberikan kepada *asnaf* ini. Bantuan tersebut ialah:-²⁷

- i) Menganjurkan siri-siri kuliah agama di masjid bandar dan mukim.
- ii) Habuan guru-guru agama dan pengurusan kakitangan masjid.
- iii) Bantuan kepada masjid-masjid.
- iv) Bantuan sebahagian Program Unit Agama dan aktiviti dakwah kepada orang-orang bukan Islam.

- v) Bantuan kepada Tabung Yayasan Pengajian Tinggi Agama.
- vi) Bantuan penerbitan buku-buku, risalah agama dan majalah berunsur keagamaan seperti Pengasuh.
- vii) Bantuan kematian orang-orang miskin.
- viii) Bantuan penyelenggaraan kubur.
- ix) Bantuan bagi aktiviti untuk pembangunan ummah.
- x) Bantuan kepada mereka yang berjihad atau berusaha menegakkan agama Allah.

g) *Asnaf Ibn-Sabīl*

Mereka ini terdiri dari orang-orang Islam yang dalam kesusahan kerana terputus perbelanjaan sewaktu perjalanan yang diharuskan oleh Syarak.

Berdasarkan *asnaf-asnaf* yang di bincangkan di atas itu dan realiti masyarakat yang terdapat di sini, hanya enam *asnaf* sahaja yang dapat dikenal pasti.²⁸ Ini kerana pada masa sekarang ini terlalu sukar untuk menentukan di antara fakir dengan miskin. Oleh itu pihak Majlis telah mengklasifikasikan dua *asnaf* ini menjadi satu iaitu *asnaf* fakir dan miskin. Begitu juga keadaannya dengan *asnaf al-riqāb* dan *al-ghārimīn* yang begitu sukar untuk kenal pasti pada masa kini.

Manakala bentuk agihannya bolehlah dibahagikan kepada dua kategori iaitu agihan secara langsung kepada *asnaf* dan agihan secara tidak langsung yang memberi

kesan jangka panjang untuk memulihkan atau membebaskan fakir miskin dari cengkaman kemiskinan.

Nota Hujung

1 Ahmad Hidayat Buang, 'Kutipan Dan Agihan Zakat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian', **Jurnal Syariah**, Jilid 7, Bil. 2, 1999, hal. 141.

² Majlis Agama Islam Kelantan Darul Naim, Sistem Perakaunan dan Belanjawan Bersepadu Anggaran Belanjawan MAIK 2001.

³ Nik Mastura Bt Hj. Umar, "Struktur Pentadbiran Agama Islam di Negeri Kelantan," Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969, hal. 15

⁴ Temubual dengan Encik Abdullah Mad Yusuff, Ketua Pegawai Pembangunan, Bahagian Pembangunan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 13 Jan 2001. Perkara ini dinyatakan juga dalam EMAIAIMK 1994, seksyen 72 (1) dalam perkara kewangan.

⁵ Jemaah Ulama' yang dimaksudkan: Jemaah Ulama' yang dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

⁶ Temubual dengan Encik Nik Mohammed Noor bin Nik Ishak, Pegawai Urusan Sumber Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 20 Ogos 2001.

⁷ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Manual Prosedur Kerja Unit Agihan, t.t.

⁸ Temubual dengan Encik Mohammed Noor, *op.cit.*

⁹ Manual Prosedur Kerja Unit Agihan, *loc. cit.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Lihat Ibadat Zakat, Satu Pengenalan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t), hal. 5.

¹² Manual Prosedur Agihan Zakat, *op. cit.*

¹³ Temubual dengan Encik Mohammed Noor, *op. cit.*

¹⁴ Manual Prosedur Kerja, *op. cit.*

-
- ¹⁵ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Wang Zakat, Bagaimana diagihkan, (t.t).
- ¹⁶ Temubual dengan Encik Abdullah Mad Yusuff, *op. cit.*
- ¹⁷ Temubual dengan Encik Nik Mohammed Noor, *op. cit.*
- ¹⁸ *Ibid.*
- ¹⁹ Wang Zakat, Bagaimana Diagihkan, *loc. cit.*
- ²⁰ Sistem Perakaunan dan Belanjawan Bersepadu, *op.cit.*
- ²¹ *Ibid.*
- ²² Ibn ‘Abidīn, *Hasyiah Raddul Muhtār*. Kaherah: al-Halabī, ed. Ke 2, Jilid 2, 1966, hal. 262. Lihat juga Yūsūf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālah, Jilid 2, 1977, hal. 152 dan Dr. Abdul Aziz Bin Muhammad, *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1993, hal 80-83.
- ²³ Wang Zakat, Bagaimana Diagihkan, *op. cit.*
- ²⁴ Temubual dengan Encik Mohammad Noor, *op.cit.*
- ²⁵ *Ibid.*
- ²⁶ Wang Zakat, Bagaimana Diagihkan, *op.cit.*
- ²⁷ *Ibid.* Lihat juga Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994, hal. 16.
- ²⁸ Ini adalah berdasarkan kepada Maklumat Pengagihan Wang Zakat MAIK Mengikut Keperluan Asnaf Bagi Tahun 1991-2000.